

**KRITERIA PERANCANGAN KEMUDAHAN SOSIAL
DI KAWASAN KEJIRANAN**



**RESEARCH MANAGEMENT CNETRE (RMC)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**HASNIZAM AB DULHAMID
NORHAZLAN HARON
PROF. MADYA DR. HALMI ZAINOL
PROF. MADYA ABD HALIM GHAZALI**

MAC 2016

ISI KANDUNGAN

1.	Surat Penyerahan Laporan	xiv
	AHLI-AHLI PENYELIDIK	xv
2.	Surat Tawaran (Research Grant)	xvi
3.	Penghargaan	xvii
4.	Tajuk dan Objektif Penyelidikan	xviii
5.	Laporan	1
5.1	Cadangan Ringkasan Eksekutif	1
5.2	Abstrak	3
5.3	Pendahuluan	5
5.3.1	Pengenalan	5
5.3.2	Kenyataan Masalah	7
5.3.2.1	Kurang Penyertaan Masyarakat Dalam Kejiranan Melalui Kemudahan Sosial Atau Aktiviti Di Kemudahan Sosial Melalui Aspek Perancangan Fizikal	8
5.3.2.2	Tiada Kriteria-Kriteria Sejagat Serta Kriteria-Kriteria Kebudayaan Yang Perlu Di Dalam Susunatur dan Rekabentuk Kemudahan Sosial Yang Menghidupkan Kejiranan	8
5.3.2.3	Tiada Kriteria Perancangan Yang Tepat Untuk Kemudahan Sosial Penduduk	8
5.3.3	Matlamat Kajian	9
5.3.4	Objektif Kajian	9
5.3.5	Skop Kajian	10
5.3.6	Kepentingan Kajian	11
5.3.7	Kaedah Kajian	11
5.3.7.1	Bahagian 1 (Kajian Awalan)	12
5.3.7.2	Bahagian 2 (Pengumpulan Maklumat)	12
5.3.7.3	Bahagian 3 (Analisis dan Intepretasi data)	15
5.3.7.4	Bahagian 4 (Penemuan)	16

3.0 PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya:

Prof. Madya Sr. Dr. Md Yusof Hamid

(Pemangku Rektor Uitm Perak)

Dr. Wan Rabiah Wan Omar

(Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni)

dan

Semua pegawai Jabatan Perancang Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Selangor, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), Melaka yang telah memberi kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini

5.2 ABSTRAK

KRITERIA PERANCANGAN KEMUDAHAN SOSIAL DI KAWASAN KEJIRANAN

(Kata Kunci: Kejiranan, Kemudahan Sosial, Kriteria dan Prinsip Kemudahan Sosial, Kuantiti dan Kualiti Kemudahan Sosial, Aspek Fizikal, Fizikal Komuniti)

Kejiranan merupakan kawasan tempat tinggal yang mempunyai keluasan tanpa had dan membawa maksud sebagai interaksi antara seseorang dengan jiran tetangga. Ia juga merupakan konsep dimana penduduk mendapat kesetaraan faedah dan keseimbangan berdasarkan interaksi dan integrasi pembangunan fizikal komuniti. Kemudahan sosial pula di definisikan sebagai struktur-struktur, bangunan-bangunan, perkhidmatan-perkhidmatan dan penyediaan-penyediaan yang disediakan untuk memberi kesenangan kepada orang-ramai. Maka, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti kriteria perancangan kemudahan sosial bagi unit kejiranan samada kejiranan bandar baru mahupun kejiranan kecil. Penyertaan dan kehendak pengguna mahupun penduduk amat diperlukan dalam menghasilkan pembangunan tatatur perumahan yang dapat memenuhi keperluan manusia berdasarkan kriteria dari perancangan fizikal dan garis panduan semasa. Maka wujud konflik, di kawasan pembangunan perumahan di mana pembangunan penyediaan kemudahan sosial yang tidak seimbang dan tidak memenuhi keperluan penduduk. Selain itu, tahap penglibatan penduduk terhadap kemudahan sosial masih rendah dengan punca tidak menepati prinsip perancangan seperti lokasi, jarak dan perletakan yang sesuai. Maka, kajian memfokuskan terhadap empat aspek iaitu kemudahan pejalan kaki dan pergerakan kenderaan fleksibel, integrasi gunatanah, aspek keselamatan dan kemudahan pergerakan serta kualiti dan kuantiti kemudahan sosial. Bagi aspek fizikal kemudahan sosial, ia dibahagikan kepada lima kategori iaitu kawasan lapang dan rekreasi, kawasan perniagaan, kawasan ibadat, dewan orang ramai dan laluan pejalan kaki atau sikal. Oleh itu, hasil kajian akan menjurus kepada indikator dan kriteria perancangan kemudahan sosial bagi kawasan kejiranan.

5.3 PENDAHULUAN

5.3.1 Pengenalan

Perancangan sesebuah kawasan kemudahan adalah penting dalam membentuk unit kejiranan yang baik. Di dalam unit kejiranan, ia mempunyai pelbagai komponen kemudahan pembangunan seperti kawasan lapang, dewan orang ramai, kemudahan keagamaan, pejalan kaki dan juga sistem sirkulasi jalan yang baik. Merujuk kepada konsep konservatif terawal yang dikemukakan oleh Perry, konsep kejiranan merupakan satu konsep fundamental yang bertemakan 'Egalitarian' dimana penduduk mendapat kesetaraan faedah dan keseimbangan berdasarkan interaksi dan integrasi pembangunan fizikal komuniti.

Maka, berdasarkan pelaksanaan konsep kejiranan awal dan komprehensif terkini, wujud konflik di kawasan pembangunan perumahan kini dimana fokus utama berpandukan kepada beberapa aspek dalam konsep kejiranan.

- I. Terdapat unit kejiranan, pusat komuniti dan sub kejiranan
- II. Menitikberatkan komuniti kejiranan dengan konsep pelbagai untuk kemudahan sosial, rekreasi dan tempat letak kenderaan
- III. Keutamaan bagi aspek keselamatan untuk penduduk terutama kanak-kanak warga emas.
- IV. Kedudukan kemudahan sosial yang berkadar langsung dengan laluan pejalan kaki.

Berdasarkan pernyataan di atas, penekanan kepada penyediaan kemudahan sosial di kawasan kejiranan menjadi asas dalam penyediaan kemudahan sosial, komuniti dan fasiliti di kawasan perumahan. Salah satu daripada langkah yang boleh digunakan ialah melalui kepercayaan kepada pendekatan 'environmental determinism' yang mengambil input daripada ahuan secara teoritis atau melalui pengalaman daripada amalan-amalan lepas; atau berdasarkan psikologi dan kehendak masyarakat.